

AKTA ORANG ASLI 1954 (AKTA 134): SEJAUH MANA MELINDUNGI HAK ORANG ASLI: SATU KAJIAN PERBANDINGAN.ⁱ

Noraida binti Harun

Noor -Ashikin binti Hamidⁱⁱ

Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Darul Iman Malaysia
noraida@udm.edu.my
shikin@udm.edu.my

ABSTRAK

Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) merupakan perundangan bertulis yang digubal khusus untuk masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia berdasarkan The Aboriginal Enactment 1939 yang diwartakan di seluruh Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Akta 134 digubal semasa zaman darurat di Tanah Melayu pada tahun 1954 untuk menghalang penganas-penganas komunis daripada mendapatkan sebarang bantuan daripada masyarakat Orang Asli dan mencegah mereka daripada mengembangkan ideologi komunis kepada masyarakat Orang Asli. Oleh sebab itu pengiktirafan secara formal terhadap Orang Asli hanya terdapat dalam Akta Orang Asli 1954 dan hanya diterima pakai di Semenanjung Malaysia sahaja. Akta 134 hanyalah bersifat mengawal Orang Asli daripada memelihara kepentingan dan hak-hak mereka, tetapi tiada peruntukan dibuat untuk mengawal dan menentukan hal ehwal mereka sendiri. Pemeliharaan hak dan kepentingan Orang Asli juga dipinggirkan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Penulisan ini dibuat untuk mengkaji Akta 134 yang dilihat mempunyai banyak kelemahan di dalam melindungi dan menjamin hak-hak Orang Asli di samping membuat perbandingan dengan Deklarasi Hak Orang Asal Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai isu-isu yang berkaitan dengan hak dan kepentingan Orang Asli seperti hak adat orang asli terhadap tanah, pampasan, hak asasi manusia, pendidikan, pengambilan tanah, pengetahuan tradisi dan lain-lain serta cadangan-cadangan untuk penambahbaikan.

Katakunci : Akta Orang Asli 1954, kelemahan, isu, perbandingan.

PENGENALAN

Orang Asli merupakan salah satu komponen dari pelbagai kaum di Malaysia yang bercorak majmuk. Dari kacamata masyarakat moden, masyarakat Orang Asli merupakan kaum yang terpisah dan terasing dari arus perkembangan dan kemajuan pembangunan negara. Secara umumnya, terdapat tiga kumpulan utama Orang Asli di Semenanjung Malaysia iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Asli yang dibezakan melalui bahasa, kebudayaan, cara hidup serta ciri-ciri fizikal. Daripada tiga kumpulan utama ini terbahagi pula suku kaum yang kecil. Suku Senoi merupakan suku yang terbesar di Semenanjung Malaysia. Suku Senoi terdiri daripada Temiar, Semai, Che Wong, Jahut, Semoq Beri dan Mah Meri. Kumpulan Melayu Asli pula merangkumi Temuas Belandas, Semelai, Jakun, Orang Kanaq, Orang Seletar dan Orang Kuala atau Laut. Mereka dikatakan kumpulan kedua berhijrah selepas suku Negrito. Dalam kumpulan Negrito terdapat suku Kintak, Kensiu, Jahai, Mendriq, Batek dan Lanoh.ⁱⁱⁱ Mengikut perangkaan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia (JHEOA), setakat ini terdapat 141,230 Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Pahang mempunyai penduduk Orang Asli yang paling ramai 50,792 diikuti Perak 40,856 orang dan Selangor 15,210 orang.^{iv}

Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan memberi tanggungjawab kepada Yang di-Pertuan Agong untuk memelihara hak dan kepentingan orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak dan kepentingan sah kaum lain tetapi Perkara 8(5)(c) Perlembagaan Persekutuan^v meminggirkan Orang Asli daripada kategori orang yang mendapat kepentingan dan

keistimewaaan dalam perkara di atas. Definisi ÷ Melayuø menurut Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan merujuk kepada mereka yang beragama Islam, lazimnya bercakap bahasa Melayu , mengikut cara hidup Orang Melayu dan adat istiadat serta kepercayaan Orang Melayu. Di sebalik definisi yang diberikan, apakah kriteria-kriteria yang sesuai untuk dikategorikan sebagai ÷Melayuø di Malaysia? Apakah makna ÷Melayuø merujuk kepada sesuatu bangsa? Bolehkah Orang Asli merujuk dirinya sebagai ÷Orang Melayuø? Adakah mereka tergolong sebagai kategori ÷Melayuø menurut Perlembagaan Persekutuan?

Siapakah yang dimaksudkan sebagai Orang Asli? Orang Asli merupakan penduduk asal sesebuah negara. Undang-Undang 1939 mendefinisikan Orang Asli sebagai seseorang yang kedua orang tuanya merupakan anggota suatu suku asli dan atau keturunan melalui jurai lelaki. Selepas itu pada tahun 1954 terbentuk pula satu lagi undang-undang yang berkaitan dengan Orang Asli iaitu Akta Orang Asli 1954. Definisi yang diberikan oleh Akta ini berkenaan dengan siapa yang dimaksudkan sebagai Orang Asli lebih jelas dan terperinci. Menurut Akta Orang Asli ialah:

- (a) mana-mana orang yang bapanya adalah merupakan anggota kumpulan etnik Orang Asli, yang bercakap bahasa Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat serta kepercayaan Orang Asli dan termasuk seorang keturunan melalui jurai lelaki orang itu;
- (b) mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa bayi oleh Orang Asli yang telah dibesarkan sebagai seorang Orang Asli, lazimnya bercakap bahasa Orang Asli , lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat istiadat serta kepercayaan Orang Asli dan ialah anggota dari suatu masyarakat Orang Asli; atau
- (c) anak dari mana-mana penyatuan antara seorang perempuan Orang Asli dan seorang lelaki daripada suatu kaum lain, dengan syarat bahawa anak itu lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat istiadat serta kepercayaan Orang Asli dan masih lagi menjadi anggota suatu masyarakat Orang Asli.^{vi}

Menurut seksyen 2 Akta yang sama mendefinisi kumpulan etnik Orang Asli sebagai sesuatu pembahagian suku Orang Asli yang berbeza dari segi kebudayaan, bahasa atau organisasi sosial dan termasuk mana-mana kumpulan yang boleh diisytiharkan oleh Pihak Berkuasa Negeri(PBN) sebagai suatu kumpulan etnik Orang Asli manakala masyarakat Orang Asli diertikan sebagai satu kumpulan etnik Orang Asli yang tinggal bersama di satu tempat.^{vii} Kenyataan ini jelas menunjukkan betapa istilah ÷Orang Asli itu sendiri meninggalkan implikasi yang besar kepada masyarakat berkenaan. Justeru itu tidak mustahil jika ada yang berpendapat masalah kemunduran Orang Asli berkait rapat dengan istilah ÷Orang Asliøitu sendiri.

Oleh itu dicadangkan bahawa definisi kumpulan etnik Orang Asli hendaklah menyenaraikan semua kumpulan etnik Orang Asli supaya setiap kumpulan etnik mendapat pengiktirafan di sisi undang-undang. Takrifan Orang Asli di bawah seksyen 3 Akta 134 juga dicadangkan tidak memberikan penekanan kepada ciri-ciri hidup, adat resam dan bahasa sebagai syarat siapa yang dimaksudkan sebagai Orang Asli kerana generasi Orang Asli sekarang kurang mengamalkan cara hidup, adat resam dan budaya serta bahasa Orang Asli kerana antaranya disebabkan oleh perkahwinan campur.^{viii}

Oleh sebab itu pengiktirafan secara formal terhadap Orang Asli hanya terdapat dalam Akta Orang Asli 1954 dan hanya diterimapai di Semenanjung Malaysia sahaja. Akta Orang

Asli 1954 (Akta 134) merupakan perundangan bertulis yang digubal khusus untuk masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia berdasarkan The Aboriginal Enactment 1939 yang diwartakan di seluruh Negeri-negeri Melayu Bersekutu^{ix}. Akta 134 digubal semasa zaman darurat di Tanah Melayu pada tahun 1954. Penggubalannya berdasarkan objektif untuk menghalang penganas-penganas komunis daripada mendapatkan sebarang bantuan daripada masyarakat Orang Asli dan mencegah mereka daripada mengembangkan ideologi komunis kepada masyarakat Orang Asli.^x Menyedari hakikat ini, Kerajaan British cuba menawan hati Orang Asli dengan menubuhkan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang menyediakan kebajikan, kesihatan dan pendidikan kepada masyarakat Orang Asli. Seajar itu juga Akta 134 ini menyediakan peruntukan bagi perlindungan, kesejahteraan dan kemajuan Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Deklarasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tentang hak-hak Orang Asli adalah sebuah deklarasi yang disahkan oleh Majlis Umum Pertubuhan Bangsa-bangsa dalam sesi 61 di New York, 13 September 2007. Deklarasi ini menggariskan hak individu dan kolektif Orang Asli dan juga hak mereka terhadap budaya, identiti, bahasa, pekerjaan, kesihatan, pendidikan dan isu-isu lain. Deklarasi ini juga menekankan hak mereka untuk memelihara dan memperkuat institusi, budaya dan tradisi serta hak mereka terhadap pembangunan. Deklarasi ini diterimapakai oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada 13 September 2007, dengan 144 suara menyokong (termasuk Malaysia), 4 menolak dan 14 abstain.

Pindaan Akta 134 perlu merujuk kepada hak-hak Orang Asli yang terkandung di dalam Deklarasi Hak Orang Asal Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang diluluskan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada 13 September 2007 di mana Kerajaan Malaysia telah memberikan sokongan penuh terhadap Deklarasi tersebut.

Akta 134 jika dikaji banyak terdapat kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki. Tujuan penulisan ini adalah untuk melihat perbandingan antara Akta 134 dengan Deklarasi Hak Orang Asal Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan juga Akta yang lain beserta dengan cadangan. Antara perkara-perkara yang disentuh ialah:

1. Pengambilan Tanah Dan Pampasan

Di Malaysia hak kebebasan terhadap hartanah dijamin oleh Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukan bahawa:

- I. Tiada seseorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang;
- II. Tiada ada sesuatu undang-undang pun boleh membuat peruntukan bagi mengambil atau menggunakan harta-harta dengan paksa dengan tiada pampasan yang mencukupi.

Perlembagaan menyatakan bahawa harta seseorang hanya boleh dilucutkan mengikut undang-undang. Undang-undang termasuklah undang-undang bertulis, common law setakat mana ia berkuatkuasa dalam Persekutuan atau mana-mana bahagian dan apa-apa adat atau kelaziman yang mempunyai kuatkuasa undang-undang dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya^{xi}. Dalam hal perlucutan hartanah, undang-undang yang berkaitan ialah Kanun Tanah Negara 1965 dan Akta Pengambilan Tanah 1960. Implikasi daripada peruntukan Perlembagaan ini ialah harta persendirian boleh diambil atau diguna oleh kerajaan, harta persendirian tidak boleh diambil atau diguna kecuali dengan bayaran pampasan yang mencukupi,

harta persendirian tidak boleh diambil atau diguna kecuali dengan autoriti undang-undang yang diperbuat.

Pampasan yang mencukupi ditakrif oleh Hakim Hashim Yeop Sani di dalam kes *Lembaga Amanah Sekolah Bina Semangat lwn Pemungut Hasil Tanah, Dinding*,^{xii} sebagai suatu perkara yang akan ditentukan oleh mahkamah dan Perkara 13(2) Perlembagaan Persekutuan membolehkan sesuatu undang-undang membuat peruntukan pengambilan tanah atau penggunaan tanah persendirian secara paksa dan membuat peruntukan tentang kaedah penilaian.

Hak Orang Asli terhadap tanah tidak dikanunkan secara formal dalam undang-undang Malaysia. Sistem perundangan berkaitan tanah yang digubal secara formal adalah Kanun Tanah Negara 1965. Mengikut Kanun ini semua tanah adalah kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri. Kepentingan terhadap tanah diberikan kepada individu hanya apabila mereka mendaftarkan tanah di Pejabat Pendaftaran Tanah. Tanah Orang Asli yang diturunkan dari generasi ke generasi melalui tradisi, tidak termasuk dalam sistem pendaftaran mengikut undang-undang tanah Malaysia. Oleh hal itu, tanah Orang Asli diletakkan di bawah hak Pihak Berkuasa Negeri. Kerajaan negeri mempunyai kuasa untuk mengambil sebarang tanah bagi pelbagai tujuan, termasuk tanah yang didiami oleh Orang Asli seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960.^{xiii}

Di bawah seksyen 3, Akta Pengambilan Tanah 1960, tanah boleh diambil oleh pihak berkuasa negeri jika dikehendaki:

- i. Untuk apa-apa maksud awam;
- ii. Oleh mana-mana orang atau perbadanan bagi apa-apa maksud yang pada pandangan Pihak Berkuasa Negeri adalah berfaedah kepada perkembangan ekonomi Malaysia atau mana-mana bahagian atau orang awam keseluruhannya atau mana-mana golongan orang awam; atau
- iii. Untuk maksud perlombongan, kediaman, pertanian, perdagangan atau perindustrian.

Seksyen 3 (b) Akta Pengambilan Tanah 1960 membolehkan kerajaan mengambil tanah untuk maksud yang berfaedah kepada perkembangan ekonomi Malaysia atau mana-mana bahagian atau kepentingan awam atau mana-mana golongan.

Seterusnya, seksyen 68A memperuntukkan bahawa apabila pengambilan telah selesai, orang atau perbadanan atau kerajaan yang mana tanah diambil untuknya, boleh menggunakan tanah untuk apa-apa tujuan atau maksud sekalipun, walaupun tidak serupa atau berlainan daripada maksud asal tanah tersebut diambil, asalkan tanah tersebut masih dalam skop atau ruang lingkup seksyen 3 dan mengurus niaga tanah itu. Pihak Berkuasa Negeri boleh juga melupuskan tanah yang selesai diambil mengikut budi bicara Pihak Berkuasa Negeri. Seksyen ini membolehkan sesiapa yang memperoleh tanah, atas sebab tertentu, merasakan tidak sesuai untuk tujuan asal tanah tersebut diambil untuk menggunakan untuk maksud lain. Kerajaan tidak perlu memperjelaskan untuk maksud apa-apa tanah tersebut diambil dan tidak perlu memastikan tujuan tanah tersebut diambil.^{xiv} Kesan daripada seksyen ini, maka banyak tanah adat Orang Asli diambil untuk tujuan di atas.

Oleh itu sesetengah prosedur dalam Akta Pengambilan Tanah 1960 tidak memberikan perlindungan secukupnya terhadap Orang Asli tentang masalah pengambilan tanah. Akta Pengambilan Tanah 1960 membenarkan seseorang individu untuk mencabar pampasan yang

diberikan kepada mereka tetapi tidak kepada keputusan kerajaan terhadap isu pengambilan tanah. Hal ini bermakna, pengambilan tanah Orang Asli hanya berkisar dalam erti kata lain duit (pampasan) semata-mata dengan menganggap bahawa tanah Orang Asli hanya sebagai tempat bagi mereka mencari mata pencarian sahaja.

Mengikut Akta 134, Menteri boleh melalui pemberitahuan dalam Warta, mengisytiharkan mana-mana kawasan yang diduduki oleh Orang Asli sebagai kawasan Orang Asli atau sebagai rizab Orang Asli.^{xv} Tetapi Akta ini, tidak menganggap Orang Asli sebagai pemilik yang sah mengikut undang-undang terhadap kawasan Orang Asli atau rizab Orang Asli, begitu juga, Akta 134 tidak memberikan mandat kepada Orang Asli untuk mendapatkan pampasan dari pengambilan paksa kawasan Orang Asli atau rizab Orang Asli.^{xvi} Ini adalah kerana seksyen 12 menyatakan bahawa, jika sesuatu tanah dimansuhkan dari kawasan Orang Asli atau rizab Orang Asli, kerajaan boleh memberi pampasan dan seksyen 11 menyatakan bahawa pampasan yang dibayar hanya terhadap pokok buah-buahan atau pokok getah sahaja. Ini bermakna tidak menjadi kewajipan kepada kerajaan untuk membayar pampasan dan terserah kepada budi bicara pihak kerajaan untuk membayarnya. Seterusnya seksyen 6(3) dan 7(3) Akta ini membenarkan Menteri untuk membatalkan mana-mana pengisytiharan kawasan Orang Asli atau sebagai rizab Orang Asli pada bila-bila masa tanpa perbincangan dan perundingan. Pembayaran pampasan untuk pembatalan tersebut adalah tertakluk kepada budibicara Pihak Berkuasa.^{xvii}

Menurut Artikel 10 Deklarasi Hak Orang Asal Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) juga menyatakan bahawa Orang Asal tidak boleh dipindahkan secara paksa daripada tanah atau wilayah mereka. Tiada penempatan semula akan berlaku tanpa persetujuan bebas yang diberikan setelah mendapat maklumat yang cukup oleh Orang Asal yang terlibat dan selepas persetujuan dalam memperoleh pampasan yang adil dan saksama.

Oleh yang demikian, konsep perbincangan dan perundingan serta pampasan yang mencukupi hendaklah dipraktikkan oleh kerajaan apabila melibatkan pengambilan tanah Orang Asli seperti yang ditekankan dalam Deklarasi Hak Orang Asal Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan seperti yang diamalkan oleh Kerajaan Kanada dalam *öThe 1997 Canadian Calderö* yang menekankan polisi tentang kepentingan perbincangan dan perundingan serta pampasan yang cukup sebagai salah satu syarat pengambilan tanah Orang Asli. Titi Waitangi juga menekankan kepentingan perundingan antara puak Orang Asli Maori dengan Kerajaan New Zealand sebelum keputusan pengambilan tanah dibuat. Konsep ini juga ditegaskan dalam Deklarasi Hak Orang Asal Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)^{xviii} tentang keperluan perbincangan dan perundingan apabila melibatkan hak Orang Asli yang akan terganggu oleh tindakan yang bakal diambil oleh pihak kerajaan.

Hak asasi terhadap hartanah juga dijamin dalam Perlembagaan Amerika Syarikat di mana perlembagaan memperuntukkan bahawa: Tiada seorang pun boleh dilucutkan kehidupan, kebebasan atau hartanya tanpa mengikut undang-undang (*due process*); tidak juga harta persendirian boleh diambil untuk tujuan awam, tanpa pampasan yang adil. Peruntukan ini mengkehendaki adanya satu prosedur, undang-undang yang munasabah yang memenuhi kehendak *due process*, pengambilan dibuat hanya untuk kemudahan awam dan pampasan yang adil.^{xix}

Di India hak ini dijamin di mana Perkara 300A Pelembagaan India memperuntukkan bahawa *öTiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undangö*.

Perkara 300A menyatakan bahawa sebelum seseorang itu dilucutkan hartanya, mestilah ada satu autoriti undang-undang yang memberi kuasa pelucutan. Seseorang tidak boleh dilucutkan hartanya melalui satu perintah eksekutif tanpa asas undang-undang. Undang-undang mengikut perkara 300A bukan hanya bermakna undang-undang yang dikanunkan, ianya seperti yang diputuskan oleh Mahkamah Agung India di dalam kes *Maneka Gandhi lwn Union of India*^{xx} bermakna undang-undang yang adil dan munasabah. Ia tidak termasuk sebarang undang-undang yang tidak munasabah, arbitrari, menindas atau undang-undang yang berbentuk rampasan.

Adalah jelas terdapat perbezaan dalam menafsirkan perkataan "undang-undang" mengikut perlembagaan Persekutuan dan India, di mana pelucutan hak terhadap hartanah adalah sah di Malaysia asalkan ianya mengikut undang-undang, walaupun ianya adalah satu undang-undang yang tidak munasabah atau menindas.

Satu perkara yang tidak wujud di dalam Akta Pengambilan Tanah 1960 ialah perbicaraan sebelum pengambilan. Ianya adalah satu prosedur yang mandatori di India, di negara-negara lain dan juga di dalam Deklarasi Hak Orang Asal Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Dalam hal ini Mahkamah Persekutuan dalam kes *S.Kulasingam & Anor lwn Commissioner of Lands, Federal Territory & Anor*^{xxi} menyatakan bahawa:

“Jelaslah bahawa hak perbicaraan sebelum pengambilan sedemikian akan melembabkan prosiding pengambilan di seluruh negara dan skim, Akta ini nampaknya dilandaskan pada asas kenyataan ini. Walaubagaimana pun, Akta ini yang diasaskan pada Akta Pengambilan Tanah India 1894 telah dipinda pada tahun 1923 untuk memberi kepada pemilik tanah hak mendapatkan perbicaraan sebelum pengambilan; tidak ada peruntukan serupa itu dalam Akta kita.”

Seterusnya mahkamah menyatakan bahawa:

“Badan perundangan boleh dengan perkataan-perkataan yang jelas mengetepikan prinsip keadilan asasi apabila perlembagaan tidak membuat peruntukan mengenainya secara khusus. Ada peruntukan khusus dalam Akta bagi siasatan dan perbicaraan mengenai kuantum pampasan yang perlu dibayar akan tetapi tiada peruntukan bagi pengambilan. Dengan ini hendaklah dipakai prinsip pentafsiran *expressio unius alterius* yang telah digunakan untuk mengetepikan keadilan asasi.”^{xxii}

Dalam lain perkataan, penafian perbicaraan sebelum pengambilan tidak dikira satu pelanggaran hak asasi terhadap hartanah di Malaysia.

2. Pemberian Kawasan Penempatan Baru

Seksyen 10 Akta 134 menyatakan masyarakat Orang Asli yang sedang bermastautin di mana-mana kawasan yang diistiharkan rizab orang Melayu, hutan atau rizab mergastua tidak berkewajipan untuk meninggalkan kawasan tersebut mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri(PBN). Namun begitu PBN boleh mengarahkan mereka meninggalkan rizab-rizab tersebut dan boleh membuat peruntukan berbangkit termasuk bayaran. Jika PBN tidak membuat apa-apa peruntukan berbangkit, Orang Asli tidak akan memperolehi sebarang pampasan apabila diarahkan keluar daripada rizab-rizab tersebut. Di dalam seksyen ini juga tidak merujuk secara spesifik dalam peruntukan berbangkit mengenai penggantian kawasan baru kepada Orang Asli yang diperintahkan keluar. Berbanding Artikel 28(1) dan (2) Deklarasi Hak

Orang Asal Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menyatakan bahawa Orang Asal berhak untuk mendapat tebus rugi, dengan cara yang melibatkan pengembalian atau jika ini tidak dapat dilakukan, pampasan yang patut dan saksama untuk tanah dan sumber-sumber yang telah dimiliki secara tradisi atau diduduki atau digunakan atau dirampas tanpa persetujuan yang diberikan setelah Orang Asal yang terlibat mendapat maklumat yang cukup, melainkan setelah dipersetujui oleh orang Asal yang berkenaan, pampasan yang diberikan mestilah berbentuk tanah, wilayah dan sumber-sumber yang sama kualiti, keluasan dan pampasan kewangan atau tebus rugi lain yang bersesuaian. Penempatan semula Orang Asli adalah perlu apabila kerajaan melibatkan pengambilan tanah dengan mengambil kira kesan jangka panjang Orang Asli tentang kesinambungan pembangunan di petempatan ini yang mampu menampung kehidupan mereka. Penempatan semula Orang Asli juga perlu untuk melindungi sosial dan budaya Orang Asli dengan diberi keluasan tanah yang mencukupi untuk melakukan aktiviti komuniti.

3. Hak tanah Adat

Common law mengiktiraf hak Orang Asli ke atas tanah adat. Hak Orang Asli ke atas tanah tanah adat adalah termasuk hak untuk bergerak secara bebas di atas tanah mereka, tanpa sebarang bentuk gangguan atau campur tangan dan juga untuk hidup daripada hasil tanah sendiri. Di Malaysia, Orang Asli hanya dianggap sebagai penyewa (*mere-tenants*) terhadap tanah nenek moyang dan tiada hak milik sah diberikan kepada mereka. Hak Orang Asli boleh dibatalkan pada bila-bila masa sahaja oleh kerajaan. Mahkamah Tinggi Johor dalam kes *Adong bin Kuwau lwn. Kerajaan Negeri Johor* ^{xxiii} memutuskan hak anak watan terhadap tanah perlu diputuskan mengikut tradisi peribumi, Adong berhak mendapat pampasan dan hendaklah dibayar bagi kehilangan sumber kehidupan. Pampasan yang perlu dibayar bukan berasaskan nilai tanah (kerana beliau tidak memiliki tanah). Pampasan dibayar berasaskan pada nilai apa-apa yang terdapat di permukaan tanah itu yang selama ini telah dinikmati. Walaupun mahkamah mengiktiraf hak-hak tanah adat di bawah *common law*, dalam kes *Adong* pampasan yang diberi bukanlah untuk nilai tanah, tetapi untuk apa-apa yang dilakukan atau diusahakan di atas tanah itu berasaskan pada nilai apa-apa yang terdapat di permukaan tanah itu yang selama itu telah dinikmati oleh mereka. ^{xxiv} Tetapi keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes *Sagong bin Tasi & Ors. lwn. Kerajaan Negeri Selangor & Ors.* ^{xxv} enam tahun selepas kes *Adong* telah mengiktiraf hak Orang Asli terhadap tanah. Kesimpulan dari kes *Sagong bin Tasi* ini pampasan yang diberi berdasarkan nilai tanah yang diambil dan bukan untuk nilai apa yang di atas tanah seperti dalam kes *Adong*. Walaupun hak milik anak watan adalah *sui generis*, pampasan dikira mengikut Akta Pengambilan Tanah 1960, yang tidak mengambil kira kehilangan atau kerugian dari aspek bukan ekonomi. Oleh itu, pampasan hanya diberi terhadap tanah yang didiami dan bukan terhadap tanah hutan di mana mereka mencari makanan untuk hidup menurut tradisi mereka.

Walaupun keputusan yang diputuskan di dalam kes *Sagong Tasi* memberikan hak pampasan terhadap tanah kepada Orang Asli, tetapi hak tersebut terhad kepada tanah yang membentuk penempatan mereka dan bukan hutan secara keseluruhan di mana mereka selalu mencari makanan untuk hidup menurut tradisi mereka. Pendekatan seperti kes yang diputuskan dalam kes *Madeli bin Salleh lwn. Superintendent of Land and Surveys and Anor* ^{xxvi} boleh dijadikan contoh bagi menentukan masa hadapan hak tersebut, yang mana dalam kes ini diputuskan bahawa *common law* mengiktiraf hak anak watan; bahawa melalui *common law*, kerajaan boleh memperoleh hak milik radikal atau hak milik utama ke atas tanah itu tetapi

kerajaan tidak memperoleh pemilikan benefisiari mutlak ke atas tanah itu. Hak atau kepentingan kerajaan tertakluk kepada mana-mana hak-hak anak watan ke atas tanah. Dalam kes ini hak keempunyaan tidak akan mansuh walaupun tanah tersebut telah dirizabkan. Dalam kes *Nor Anak Nyawai & Ors lwn. Borneo Pulp Plantation Sdn Bhd & Ors*^{xxvii} di mana Mahkamah Persekutuan telah mengiktiraf hak-hak adat ke atas tanah bukan sahaja terhad kepada kawasan tanah yang ditanam dan telah dikerjakan yang dikenali sebagai *temuda* tetapi juga *pemakai menoa* dan *pulau*. Hak-hak adat anak watan ada kaitan dengan kawasan-kawasan hutan di mana masyarakat pernah menjalankan kegiatan memburu atau mencari makanan. Penghakiman dalam kes-kes ini mencerminkan bahawa negara menuju ke arah yang sama dalam tafsiran tentang hak-hak Orang Asal menurut undang-undang Antarabangsa.

Perkembangan terkini iaitu menurut Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin selepas mempengerusikan Mesyuarat ke-65 Majlis Tanah Negara di Putrajaya, beliau menyatakan bahawa sebanyak 19,990 keluarga Orang Asli bakal diberikan hak milik tanah kekal sebagai salah satu usaha kerajaan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi dan kualiti hidup Orang Asli. Menurut beliau, jumlah itu membabitkan 72 peratus daripada jumlah keseluruhan 27,841 keluarga Orang Asli dan melibatkan tanah seluas 50,563.51 hektar di seluruh semenanjung. Keluasan tanah yang diberikan hak milik adalah 0.8 hingga 2.4 hektar untuk ladang dan 1,524 meter hingga 0.1 hektar bagi tapak rumah. Tanah yang diberikan milik itu tidak boleh disewa, dipajak, digadai atau dilepaskan kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri selepas berunding dengan Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA). Tanah yang diberimilik ini juga tidak boleh dipindah milik selama 15 tahun oleh pemilik pertama dan pindah milik tanah hanya kepada Orang Asli sahaja.

Keputusan yang dibuat ini menggambarkan nasib masyarakat Orang Asli akan terbela di mana mereka telah mendapat hak pada tanah dan juga dapat mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan Orang Asli.^{xxviii} Keputusan ini sejajar dengan kehendak Deklarasi PBB yang menyatakan bahawa Orang Asli berhak ke atas tanah, wilayah dan sumber-sumber yang telah mereka miliki atau perolehi secara tradisional. Mereka hendaklah diberi pengiktirafan dan perlindungan undang-undang terhadap tanah, wilayah dan sumber-sumber ini dengan mengambil kira adat resam, tradisi dan hak mereka terhadap tanah.^{xxix} Hak ini juga termasuk dengan hak untuk mengekalkan perhubungan kerohanian dengan tanah, wilayah, sungai dan sumber lain yang mereka miliki dan gunakan secara tradisi untuk diwarisi oleh generasi mereka akan datang.^{xxx}

4. Hak Pendidikan

Di bawah rancangan ekonomi ke-sembilan dari tahun 2006-2010, kerajaan telah memperuntukan lebih daripada RM377.8 juta (kira-kira RM111.1 juta) untuk projek-projek pembangunan Orang Asli. Projek-projek ini tertumpu kepada peningkatan taraf kesihatan, pendidikan pra-sekolah, prasarana dan kegiatan ekonomi. Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) mengumumkan bahawa jumlah pelajar Orang Asli yang tercicir agak tinggi khususnya di peringkat sekolah menengah adalah 35 peratus.^{xxxi}

Menurut Pengarah Pusat Pengajian Pribumi Malaysia, Universiti Malaya, Profesor Madya Dr Juli Edo menyatakan bahawa tahap sosioekonomi terkebelakang mengakibatkan

kemiskinan diikuti dengan kemunduran pelajaran Orang Asli. Menurut beliau walaupun di peringkat sekolah rendah, masalah ponteng semakin berkurangan sekitar 20 peratus, keciciran tegar iaitu tidak tahu langsung membaca dan mengira masih berada pada tahap membimbangkan, iaitu 10 hingga 15 peratus. Keadaan ini berbeza dengan keadaan peribumi di Sabah dan Sarawak yang lebih terbuka menerima perubahan dari segi pendidikan dan sosioekonomi berbanding masyarakat Orang Asli di semenanjung yang masih bergantung kepada hasil hutan dan bantuan kerajaan. Menurut Dr Hassan Mat Noor, pensyarah di Jabatan Antropologi Universiti Kebangsaan Malaysia, tahap keyakinan diri adalah rendah dan sukar menyesuaikan dengan persekitaran merupakan antara faktor pelajar Orang Asli ketinggalan dalam pelajaran. Antara penyebab lain ialah tahap kesedaran mengenai pentingnya ilmu adalah rendah dan mereka tidak dapat melihat perkara yang dipelajari di sekolah boleh dikaitkan dalam kehidupan seharian sama ada di kalangan ibu bapa atau pelajar. Para ibubapa Orang Asli juga tidak suka memaksa anak mereka belajar kerana ia berkait rapat dengan budaya jangan memaksa anak-anak melakukan sesuatu yang tidak disukai. Faktor tidak menguasai bahasa pengantar di sekolah, iaitu bahasa Melayu dan bahasa inggeris dengan baik membuatkan mereka gagal memahami pengajaran yang diajar oleh guru. Di samping itu juga kekurangan *role model* di kampung juga membuatkan semangat belajar pudar. Oleh itu senario begini tidak boleh dibiarkan kerana jika tidak mereka akan terus terpinggir. Semangat 1Malaysia perlu diterapkan kerana Orang Asli juga merupakan rakyat negara ini dan kita perlu berkongsi kesusahan dan kegembiraan bersama.^{xxxii}

Seksyen 17 Akta 134 menyatakan bahawa kanak-kanak Orang Asli tidak boleh dihalang daripada masuk ke mana-mana sekolah. Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini, jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM500.^{xxxiii} Oleh itu peruntukan ini dicadangkan agar dipinda supaya lebih spesifik kerana bagi memelihara hak-hak pendidikan kanak-kanak Orang Asli dengan menyebut segala kemudahan dan bantuan yang diperlukan seperti pemberian biasiswa, bantuan makanan, kemudahan asrama, belajar dalam bahasa ibunda mereka dan lain-lain.^{xxxiv} Di samping itu juga Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) telah memperuntukan pengajaran bahasa Orang Asli boleh diadakan dengan dua syarat iaitu jika ianya munasabah dan praktikal untuk berbuat demikian dan jika ada permintaan daripada 15 orang ibu bapa murid-murid Orang Asli.^{xxxv} Oleh itu sejajar dengan konsep 1Malaysia dan Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan, Orang Asli juga wajar diberi hak yang sama rata dalam hal pendidikan bagi mengatasi kemunduran dan keciciran pelajaran Orang Asli. Antara cadangan yang diutarakan ialah mempraktikkan sebagaimana yang telah diperuntukan dalam Akta Pendidikan 1996 tentang pengajaran dalam bahasa Orang Asli dan kesedaran tentang pentingnya konsep pendidikan ini harus diterapkan di dalam diri ibu bapa dan kanak-kanak Orang Asli itu sendiri dengan mengadakan kempen, ceramah dan seminar kepada masyarakat Orang Asli. Di samping itu juga pengajaran untuk murid-murid Orang Asli hendaklah berkisar juga dengan adat dan kepercayaan mereka. Di peringkat sekolah juga boleh diperkenalkan di dalam kursus ko-kurikulum mengenai aktiviti kreatif seperti muzik asli, lukisan, pertukangan, permainan tradisi dan penulisan yang berkaitan dengan tradisi mereka. Buku-buku bacaan juga hendaklah terdiri daripada cerita rakyat Orang Asli dan kepercayaannya.^{xxxvi} Hak pendidikan untuk Orang Asli telah diiktiraf di dalam Artikel 14 Deklarasi Hak Orang Asal Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) iaitu Orang Asal berhak untuk membentuk dan mengawal sistem pendidikan dalam bahasa mereka dalam cara yang bersesuaian dengan kaedah budaya mereka dalam mengajar dan belajar, mereka juga berhak mendapat pendidikan tanpa ada diskriminasi dan langkah yang efektif perlu diambil bagi

membolehkan kanak-kanak Orang Asli termasuk yang tinggal di luar komuniti mereka untuk mengakses kepada pendidikan dalam budaya mereka dan dalam bahasa mereka.^{xxxvii}

Menurut Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), Mohd Sani Mistam, JHEOA telah menyediakan satu pelan tindakan pembangunan pendidikan bagi mengeluarkan suku kaum Orang Asli daripada kepompong kemiskinan pada 2010. Menurut beliau, pelan ini mensasarkan kadar celik huruf bagi masyarakat Orang Asli kepada tahap 70 peratus dan semua kanak-kanak Orang Asli diberi pendidikan dari pra-sekolah lagi dan melalui cara ini mereka tidak akan tercicir dari meneruskan persekolahan di peringkat rendah dan menengah. Pelan ini juga diharapkan berjaya menambahkan kemasukan anak-anak Orang Asli ke peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT).^{xxxviii} Di samping itu juga JHEOA bercadang mengadakan lebih banyak sekolah K-9 (sekolah komprehensif) di kampung Orang Asli. Sekolah K-9 menawarkan pendidikan dari darjah satu hingga tingkatan tiga.^{xxxix} Perkara ini amatlah dialu-alukan kerana dengan pendidikan yang sempurna kepada kanak-kanak Orang Asli mampu mengubah kehidupan masyarakat Orang Asli untuk sama-sama menikmati arus pembangunan dalam kemajuan pendidikan.

Oleh itu, kalau kita memberi penumpuan yang secukupnya terhadap keperluan kanak-kanak Orang Asli, menghormati adat tradisi kepercayaan dan faham mengenai amalan seharian mereka, penulis percaya masalah keciciran dan kemunduran Orang Asli di dalam pelajaran dapat dibendung serta dengan cadangan-cadangan yang diutarakan mereka mungkin boleh menjadi warga yang cemerlang dan berjaya di masa akan datang.

5. Pengetahuan Tradisi

Artikel 8(j) Konvensyen Kelpelbagaian Biologi (CBD) di mana Malaysia merupakan salah satu negara yang mendatangnya, juga menggesa tentang kepentingan melindungi hak-hak intelek pengetahuan tradisi. Kehilangan hak-hak Orang Asli terhadap tanah adat mereka duduki boleh mengakibatkan kehilangan pengetahuan tradisi berkaitan sumber biologi.^{xl} Konvensyen Kelpelbagaian Biologi (CBD) memerlukan negara anggota untuk menghormati, memelihara, menyelenggarakan dan menggalakkan masyarakat Orang Asli mengamalkan cara hidup tradisional untuk memelihara dan menggunakan kepelbagaian biologi dengan cara yang boleh dikekalkan. Untuk menerimapakai Artikel 8(j) ini, perkara yang paling penting ialah tentang kepentingan hak Orang Asli dan pilihan polisi yang dibuat. Hak-hak mereka ini hendaklah dipelihara dan tidak boleh dilanggar. Jika hak Orang Asli terhadap pengetahuan, budaya dan wilayah mereka tidak diiktiraf dan dilindungi, maka ia memberi kesan yang besar kepada kepelbagaian biologi. Oleh itu, disebabkan oleh perubahan dari segi budaya dan alam sekitar menyebabkan Orang Asli banyak kehilangan tanah-tanah adat di samping perkembangan pembangunan yang pesat dan cara hidup moden, biologi dan pengetahuan tradisi Orang Asli akan terus hilang. Untuk mengatasi masalah ini, kita hendaklah akur dengan sejarah mengenai masyarakat Orang Asli terhadap adat dan tradisi, amalan mereka dan hubungan mereka dengan tanah.

Oleh itu sumber biologi perubatan tradisional masyarakat Orang Asli di seluruh Semenanjung boleh dibangunkan untuk penggunaan dan aplikasi dalam industri perubatan, farmaseutikal, bioteknologi dan kosmetik. Ilmu pengetahuan masyarakat Orang Asli wajar

dikekalkan dan dikaji untuk dimanfaatkan oleh generasi akan datang. CBD merupakan perjanjian alam sekitar antarabangsa pertama memberi pengiktirafan kepada kepentingan pengetahuan tradisi berkaitan sumber biologi dari segi pemuliharaan alam dan penggunaannya. Malaysia juga telah mewujudkan Dasar Kelpelbagaian Biologi Kebangsaan pada tahun 1998. Ini adalah untuk memberi penekanan kepada pengetahuan tradisi berkaitan sumber biologi sebagai warisan budaya yang digunakan secara berkekalan di kalangan masyarakat peribumi.^{xii}

Kepentingan mengenai pengetahuan tradisi ditekankan dalam Artikel 31 Deklarasi Hak Orang Asal Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) iaitu Orang Asli mempunyai hak untuk mempertahankan, mengawal, melindungi dan membangunkan warisan kebudayaan, pengetahuan tradisi dan ekspresi kebudayaan tradisi di samping manifestasi sains, teknologi dan budaya mereka termasuk sumber genetik manusia dan sumber alam, benih, perubatan, pengetahuan berkenaan kekayaan flora dan fauna, tradisi lisan, kesusateraan, rekabentuk, sukan, permainan tradisi dan seni visual dan persembahan. Mereka juga berhak untuk mempertahankan dan melindungi dan membangunkan harta intelek ke atas warisan kebudayaan, pengetahuan tradisi dan budaya tradisi tersebut.

Oleh itu antara cadangan untuk melindungi pengetahuan tradisi Orang Asli ialah kerajaan diharapkan dapat melaksanakan Artikel 8(j) dengan mewujudkan dasar undang-undang, polisi untuk melindungi pengetahuan tradisi, kerajaan juga perlu mengiktiraf secara formal hak-hak Orang Asli terhadap adat, tradisi dan budaya mereka seperti hak-hak asasi yang digariskan di dalam Perlembagaan Persekutuan di samping mengiktiraf hak mereka terhadap tanah adat. Di samping itu, ia juga boleh dijadikan polisi kerajaan untuk melibatkan Orang Asli dalam perbincangan apabila melibatkan membuat keputusan berkaitan sumber biologi dan dalam hal ini Orang Asli diberi kuasa untuk memberi kata putus. Polisi yang dibuat untuk membangunkan penggunaan teknologi Orang Asli haruslah diperkenalkan. Mereka harus diberi peluang untuk mentadbir urusan berkenaan dengan penggunaan sumber alam dan material yang lain.

6. Hak Asasi

Hak asasi atau kebebasan asasi merupakan hak yang dimiliki oleh seseorang individu di sisi undang-undang. Dalam konteks manusia sejagat, hak asasi bermaksud semua manusia adalah bebas dan mempunyai hak yang sama tanpa mengira agama, bangsa, keturunan, warna kulit, bahasa dan sebagainya. Secara umumnya hak asasi manusia bermaksud cara atau tindakan seseorang manusia memperlakukan seseorang manusia yang lain mengikut dasar kemanusiaan yang sebenar. Mengimbas sejarah hak asasi manusia di peringkat antarabangsa, Pengisytiharan Sejagat Hak asasi Manusia 1948 oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) adalah titik permulaan pengakuan antarabangsa mengenai hak asasi manusia. Deklarasi ini memberi penekanan kepada kebebasan untuk bersuara dan kebebasan untuk memenuhi keperluan asas. Malaysia sebagai negara ahli kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menerimapai Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (Universal Declaration of Human Right) yang meletakkan suatu asas minimum dan seragam kepada semua manusia dan negara. Hasilnya kerajaan telah merangka Akta Suruhanjaya hak Asasi Manusia 1999 (SUHAKAM) (Akta 597) yang telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1999.

Penubuhan Akta SUHAKAM amat dialu-alukan oleh semua golongan. Ia merupakan satu platform untuk menangani isu-isu hak asasi manusia di Malaysia di samping dapat menyediakan satu ruang khusus bagi membincangkan hak asasi secara lebih terbuka dan luas.^{xliii} Kewujudan Akta ini juga dapat menjelaskan kepada dunia bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang mengiktiraf hak asasi manusia. Oleh itu diharapkan SUHAKAM dapat memainkan peranannya dalam menjaga kepentingan dan memperjuangkan hak Orang Asli Di Malaysia, sebagaimana yang ditekankan dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat di mana semua orang berhak ke atas semua hak dan kebebasan tanpa ada pengecualian dan dikriminasi.^{xliiii} Kita juga boleh merujuk konsep hak asasi dalam Islam di mana seluruh hak merupakan kewajiban bagi negara maupun individu yang tidak boleh diabaikan. Oleh itu negara bukan sahaja menahan diri dari menyentuh hak-hak asasi ini malah mempunyai kewajiban untuk menjamin hak-hak ini. Antara hak-hak dalam Islam yang perlu dihormati adalah hak untuk hidup, hak untuk mengumpul dan memiliki harta, hak untuk bersendirian tanpa gangguan, hak untuk bergerak, hak ke atas anak-anak, hak untuk keadilan, hak ke atas maruah dan penghormatan seseorang, hak persamaan di bawah undang-undang dan sebagainya.^{xliiv} Islam telah menggariskan hak-hak asasi yang sempurna untuk diikuti oleh semua pihak. Oleh itu tidak timbul isu diskriminasi atau pengecualian ke atas sesuatu kaum jika perkara yang dilaksanakan berlandaskan tuntutan Islam yang betul.

KESIMPULAN

Walaupun Akta Orang Asli 1954 telah sedia ada, namun Akta ini tidak memberikan perlindungan sepenuhnya kepada masyarakat Orang Asli. Akta yang perlu didrafkan hendaklah mengikut apa-apa yang terkandung dalam Deklarasi Hak Orang Asal Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) terhadap hak keistimewaan Orang Asli yang melangkaui tidak hanya kepada hak terhadap tanah tetapi juga merangkumi hak kolektif Orang Asli, hak penentuan nasib sendiri, hak mendapatkan persetujuan dan maklum balas persetujuan apabila membuat keputusan yang memberikan kesan kepada Orang Asli, hak untuk mengenali dan menghormati nilai dan amalan sosial, budaya dan kerohanian/ identiti; hak menentukan keutamaan mereka sendiri. Sudah tiba masanya kerajaan memberikan pendekatan yang sama seperti yang telah dipraktikkan di Sabah dan Sarawak tentang pengiktirafan keistimewaan terhadap kaum peribumi mereka. Di samping itu juga, mahkamah di Malaysia boleh merujuk kepada peruntukan Deklarasi Hak Orang Asal Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam memberi perlindungan kepada Orang Asli. Sokongan penuh yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia terhadap Deklarasi ini menggambarkan keperihatinan dan keinginan kerajaan dalam usaha untuk membaiki nasib Orang Asli dan juga undang-undang yang berkaitan selari dengan tuntutan Deklarasi dan menggantikannya dengan akta yang lebih moden.

ⁱ Kertas kerja yang dibentangkan di 1st International Conference On Public Policies & Social Science 2010 (ICoP 2010) pada 26-27 Mei 2010 di UITM, Kedah Darul Aman.

ⁱⁱ Pensyarah-pensyarah, Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Darul Iman Malaysia (UDM), Kampus KUSZA.

ⁱⁱⁱ Doris Padmini Selvaratnam, Siti Nordiyana Ishak, Nurul Azna Abd. Majid, (2008). *Kesan Pembangunan Moden Terhadap Pembangunan Komuniti Masyarakat Orang Asli : Perbandingan Antara Perkampungan Gua Telinga,*

Sungai Tiang dan Ulu Teresik, taman Negara Kuala Tahan, Pahang,UKM, kertas kerja dibentang pada Persidangan Perdana Pribumi Malaysia,25&26 Oktober 2008,UDM,Kuala Terengganu.

^{iv} Melati Mohd Ariff.(2009).*Usaha Memperkasa Pembangunan Sosio-ekonomi Orang Asli*. Carian pada 5 Mac 2010 daripada laman sesawang<http://www.bernama.com/bernama/>

^v Perkara 8(5)(c) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa: Perkara ini tidak menidaksahkan atau melarangapa-apa peruntukan bagi perlindungan, kesentosaan atau pemajuan orang asli Semenanjung Tanah Melayu (termasuk perizaban tanah) atau perizaban bagi orang asli suatu perkadaran yang munasabah daripada jawatan-jawatan yang sesuai dalam perkhidmatan awam;

^{vi} Seksyen 3(1) Akta Orang Asli 1954

^{vii} Seksyen 2 Akta Orang Asli 1954

^{viii} Sh.Nuridah Aishah Syed Nong Mohamad,Abdul Majid Tahir Mohamed, Murshamsul Kamariah Musa.(2009).*Ke arah Memantapkan Kedudukan Dan Hak Orang Asli Di Semenanjung Malaysia : Kajian Terhadap Akta Orang Asli 1954(Akta 134)*, kertas kerja dibentang pada Persidangan Perdana Pribumi Malaysia,25&26 Oktober 2008,UDM,Kuala Terengganu,ms 204-205

^{ix} William, Anthony. (2005).*Akta Orang Asli: Kelemahan dan Cadangan Pindaan*. Carian pada 19 Februari 2010 daripada laman sesawang <http://www.coac.org.my/codenavia/portals/coacv2/code/main/main/ar>

^x Nicholas, Colin.(n.d.)*The Orang Asli of Peninsular Malaysia*.Carian pada 19 Februari 2010 daripada laman sesawang <http://www.coac.org.my/codenavia/portals/coacv2/main/main/ar>

^{xi} Per 160 (2) Perlembagaan Persekutuan

^{xii} (1987) 1 MLJ 34,37

^{xiii} Noor -Ashikin Hamid,Noraida Harun.(2009).*Hak Orang Asli Terhadap Tanah*,KANUN Jurnal Undang-undang Malaysia,Dewan Bahasa dan Pustaka.m/s 1

^{xiv} Lihat *Syed Omar bin Abdul Raman Taha Alasagoff lwn Kerajaan Negeri Johor* [1979] 1 MLJ 49

^{xv} Seksyen 6 dan 7 Akta 134

^{xvi} Seksyen 13 Akta 134

^{xvii} Noor -Ashikin Hamid,Noraida Harun.(2009).*Hak Orang Asli Terhadap Tanah*,KANUN Jurnal Undang-undang Malaysia,Dewan Bahasa dan Pustaka.m/s 3-4

^{xviii} Artikel 18 Deklarasi Hak Orang Asal PBB menyatakan Orang Asal berhak untuk terlibat dalam pembuatan keputusan dalam hal-hal yang mungkin mempengaruhi hak-hak mereka melalui wakil-wakil yang dipilih oleh Orang Asal sendiri selaras dengan prosedur mereka sendiri dan juga untuk mengekalkan dan membangunkan sendiri institusi pembuatan keputusan Orang Asal yang dimiliki oleh Orang Asal sendiri dan Artikel 19 Deklarasi Hak Orang Asal PBB juga menyatakan bahawa Negara-negara mesti berunding dan bekerjasama atas dasar kepercayaan dengan Orang Asal yang berkenaan melalui wakil institusi-institusi yang telah dipilih oleh mereka sendiri dalam usaha untuk mendapatkan persetujuan bebas yang diberikan setelah mendapat maklumat yang cukup oleh mereka sebelum mengambil dan melaksanakan langkah-langkah perundangan atau pentadbiran yang mungkin akan memberikan kesan kepada mereka.

^{xix} Artikel xviii (hak perbicaraan yang adil) dan artikel xxiii (hak kepada harta) Perlembagaan Amerika Syarikat
^{xx} AIR 1978:SC 597

^{xxi} [1982] 1 MLJ 204,211

^{xxii} Ibid

^{xxiii} [1998] 2MLJ 158

^{xxiv} Noor -Ashikin Hamid,Noraida Harun.(2009).*Hak Orang Asli Terhadap Tanah*,KANUN Jurnal Undang-undang Malaysia,Dewan Bahasa dan Pustaka.m/s 6

^{xxv} [2002] 2MLJ 591

^{xxvi} [2005] 5MLJ 305

^{xxvii} [2001] 2 CLJ 769

^{xxviii} Utusan online,sabtu 5 Disember 2009, *19,990 keluarga Orang Asli terima hak milik tanah*, Carian pada 7 Disember 2009 daripada laman sesawang <http://www.utusan.com.my/utusan/>

^{xxix} Artikel 26(1) dan 26(3) Deklarasi Hak Orang Asal PBB

^{xxx} Artikel 25 Deklarasi Hak Orang Asal PBB

^{xxxi} Melati Mohd Ariff.(2009).*Usaha Memperkasa Pembangunan Sosio-ekonomi Orang Asli*. Carian pada 5 Mac 2010 daripada laman sesawang<http://www.bernama.com/bernama/>

- ^{xxxii} Basir Zahrom.(2009).*Pendidikan Orang Asli*. Carian pada 19 Februari 2010 daripada laman sesawang <http://www.umlib.um.edu.my/>
- ^{xxxiii} Seksyen 17(3) Akta 134
- ^{xxxiv} Sh.Nuridah Aishah Syed Nong Mohamad, Abdul Majid Tahir Mohamed, Murshamsul Kamariah Musa.(2009).*Ke arah Memantapkan Kedudukan Dan Hak Orang Asli Di Semenanjung Malaysia : Kajian Terhadap Akta Orang Asli 1954(Akta 134)*, kertas kerja dibentang pada Persidangan Perdana Pribumi Malaysia,25&26 Oktober 2008,UDM,Kuala Terengganu, m/s 208
- ^{xxxv} Seksyen 2 Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)
- ^{xxxvi} Noraini Md Salleh.(2009).*How to sustain Orang Asli Children in School?*, kertas kerja dibentang pada Persidangan Perdana Pribumi Malaysia,25&26 Oktober 2008,UDM,Kuala Terengganu, m/s 331
- ^{xxxvii} Artikel 14(1),(2),(3) Deklarasi Hak Orang Asal PBB
- ^{xxxviii} Berita Wilayah (Berita Utara). (2008).*Jabatan Sedia Pelan Pembangunan Pendidikan Orang Asli*. Carian pada 28 Februari 2010 daripada laman sesawang <http://www.bernama.com/bernama/>
- ^{xxxix} Melati Mohd Ariff.(2009).*Usaha Memperkasa Pembangunan Sosio-ekonomi Orang Asli*. Carian pada 5 Mac 2010 daripada laman sesawang <http://www.bernama.com/bernama/>
- ^{xl} Artikel 8(j)Konvensyen dalam Kelpelbagaian Biologi, setiap nagara hendaklah melindungi pengetahuan tradisi Orang Asli dan menggalakkan untuk berkongsi manfaat yang timbul daripada pengetahuan tersebut.Pengetahuan tradisi merujuk kepada pengetahuan,inovasi dan amalan Orang Asli.Pengetahuan tersebut berharga kepada mereka yang bergantung kepadanya tetapi juga kepada industri moden dan pertanian seperti produk herba dan kosmetik semuanya diambil daripada pengetahuan tradisi.Colin Nicholas.*For The Good Of All*. Carian pada 7 Mac 2010 daripada laman sesawang <http://www.coac.org.my/codenavia/portals/coacv2/code/>
- ^{xli} *Pembangunan Pesat Ancam Pengetahuan Perubatan Traditional*.(2009) Carian pada 8 Mac 2010 daripada laman sesawang <http://mstar.com.my/berita/>
- ^{xlii} Harlida Abdul Wahab, Asiah Bidin.*Akta 597: satu Perkembangan Hak Asasi Manusia Di Malaysia*. Carian pada 8 Mac 2010 daripada laman sesawang <http://eprints.uum.edu.my>
- ^{xliiii} Pasal 2 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat
- ^{xliv} Peguam Syarie Menulis.(2009).Hak Asasi Manusia Menurut Perspektif Islam. Carian pada 8 Mac 2010 daripada laman sesawang <http://peguamsyarie.org/>